

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ**  
**[JERLUN]**

**TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Othman Bin Aziz** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perancangan Kementerian dalam Program Kecekapan Tenaga yang mensasarkan pengurangan 8% penggunaan elektrik di negara ini. Sejauh manakah program ini diaplikasikan di tempat rekreasi dan tumpuan awam.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah menjalankan pelbagai program kecekapan tenaga sejak dibawah Rancangan Malaysia ke 10 lagi. Sebagai contoh, program *Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE)* yang dilaksanakan dengan kerjasama syarikat utiliti dan pengeluar produk dalam tempoh 2011- 2013 telah mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 306.9 gigawatt jam (GWh). Jumlah tenaga yang dikurangkan tersebut telah berjaya mengelakkan pelepasan GHGs sebanyak lebih kurang 209 ribu ton CO<sub>2</sub> eq. Manakala aktiviti retrofit empat bangunan sedia ada Kerajaan telah mengurangkan penggunaan elektrik antara 4% hingga 19% bersamaan penjimatan antara RM7,000 hingga RM130,000 sebulan.

2. Bagi meneruskan kelangsungan program berkenaan, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara 2016-2025 atau *National Energy Efficiency Action Plan - NEEAP*, dengan izin, yang merupakan sebuah pelan jangka panjang dengan pendekatan holistik bagi meningkatkan tahap kecekapan tenaga dalam 3 sektor utama iaitu sektor industri, komersial dan domestik. Melalui pelan ini, Kerajaan mensasarkan pengurangan 8% penggunaan

elektrik di negara ini menjelang tahun 2025 dengan melaksanakan 10 program kecekapan tenaga yang merangkumi, antara lainnya, program-program berikut:

- (i) Kempen Penggunaan Peti Sejuk dan Penghawa Dingin 5 Bintang;
- (ii) Kempen Penggunaan Lampu Cekap Tenaga;
- (iii) Kempen Penggunaan Motor Elektrik Berkecekapan Tinggi dan Pembangunan Standard Prestasi Tenaga Minimum Bagi Motor Elektrik;
- (iv) Audit Tenaga dan Pengurusan Tenaga dalam Sektor Industri, Komersial dan Bangunan Kerajaan;
- (v) Menggalakkan *Co-generation*; dan
- (vi) Menggalakkan penerapan elemen-elemen cekap tenaga dalam pembinaan dan reka bentuk bangunan baru.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Pelaksanaan Pelan Tindakan kecekapan tenaga ini meliputi pelbagai tempat termasuk kawasan rekreasi dan tumpuan awam seperti pusat membeli belah, pusat peranginan atau hotel dan taman tema. Sebagai contoh, Program Audit Tenaga dan Pengurusan Tenaga yang

akan dilaksanakan dalam sektor komersial dan industri membolehkan pemilik bangunan memohon geran untuk menyertai program audit tenaga dan pengurusan tenaga. Geran tersebut akan diberikan dengan syarat pemilik bangunan tersebut bersetuju untuk melaksanakan langkah-langkah kecekapan tenaga seperti yang di syorkan oleh laporan audit tenaga yang telah dilaksanakan dengan nilai bersamaan atau lebih daripada nilai geran yang diterima.

4. Melalui pelaksanaan program-program cekak tenaga seperti ini, Kerajaan berharap sasaran pengurangan penggunaan elektrik yang ditetapkan di bawah NEEAP 2016-2025 akan dapat dicapai.

\*\*\*\*\*